

21 JAN 2002

Tioman-Maznah

PEMBANGUNAN TIOMAN TIDAK ABAIKAN ALAM SEKITAR DAN SOSIAL PENDUDUK

PULAU TIOMAN, 21 Jan (Bernama) -- Kerajaan negeri Pahang memberi jaminan bahawa sebarang pembangunan ke atas pulau ini tidak akan mengabaikan aspek penjagaan alam sekitar dan sosial penduduk walaupun selepas ia dijadikan pulau bebas cukai.

Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Hal Ehwal Wanita Negeri Maznah Mazlan berkata semua pembangunan di pulau ini akan dilaksanakan mengikut pelan struktur Lembaga Pembangunan Tioman (TDA).

Beliau berkata pelan itu, yang dibuat pada 1996, mengklasifikasikan Pulau Tioman kepada tiga bahagian iaitu kawasan pembangunan, kawasan pembangunan terhad dan kawasan dikekalkan bentuk asalnya.

"Sebarang pembangunan Tioman akan mengikut pelan ini dan pembangunan hanya akan dibuat di kawasan pembangunan dan pembangunan terhad yang mengikut syarat-syarat ditetapkan," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Minggu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengesahkan bahawa kerajaan bersetuju menjadikan Pulau Tioman sebagai pulau bebas cukai ketiga selepas Langkawi dan Labuan.

Maznah berkata kawasan pembangunan itu hanya sembilan peratus dari keseluruhan pulau itu atau 1,202 hektar manakala kawasan pembangunan terhad ialah 11 peratus atau 1,470 hektar.

Baki 80 peratus atau 10,688 hektar kawasan di pulau itu akan dikekalkan mengikut bentuk muka bumi asalnya, katanya. Luas keseluruhan Pulau Tioman ialah 13,360 hektar.

Menurutnya kerajaan negeri juga membuat beberapa perancangan untuk membaiki infrastruktur di pulau itu dan jeti Tanjung Gemuk, Rompin bagi kemudahan penduduk dan pelancong.

Beliau berkata jeti kargo di Kampung Tekek di sini dan di Jeti Tanjung Gemuk di Rompin akan dibina dengan setiap satunya berharga RM6 juta.

"Kita juga membuat perancangan untuk membina jalan raya di sekeliling pulau ini sejauh 45 kilometer dengan kos RM66 juta bagi menghubungkan semua kampung di sini," katanya.

Maznah berkata projek pembinaan itu akan dijalankan dalam beberapa peringkat dengan yang pertama iaitu dari Kampung Tekek ke Taman Laut memakan belanja RM1.5 juta.

Pelaksanaan peringkat kedua dari Kampung Tekek ke Kampung Juara dan peringkat ketiga dari Salang ke Mukut sedang menunggu kelulusan peruntukan, katanya.

"Selain itu TDA juga telah mengenalpasti tapak bagi membina pusat perniagaan di Tekek yang akan menelan belanja RM6 juta," katanya.

Maznah berkata TDA turut mengenal pasti kawasan pembinaan rumah bagi penempatan semula penduduk yang tinggal di atas rizab pantai, sungai dan tanah kerajaan.

Menurutnya Jabatan Perumahan bersetuju untuk membina 200 unit rumah dan perbincangan terperinci mengenai pembinaannya sedang dijalankan.

-- BERNAMA

HIS NAK